

# Umno sukar sekat calon

BH 27 JUL 1993

TAPAH, Khamis — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Umno sukar menyekat sesiapa yang berminat merebut dua jawatan tertinggi parti itu walaupun beliau selaku presiden menasihatkan kerusi itu tidak ditandingi.

"Dalam sistem kita, susahlah sikit nak sekat. Tetapi saya harap, nasihat saya nanti diterima," katanya menjawab soalan pemberita di tapak pembinaan Projek Lebuh raya Utara-Selatan (Plus) di Gua Tempurung, 20 kilometer dari sini, petang ini.

Dr Mahathir ditanya mengenai kemungkinan ada bahagian Umno yang akan mencalonkan tokoh lain bagi merebut salah satu daripada dua jawatan tertinggi parti itu dalam pemilihan November ini.

Presiden Umno itu bagaimanapun, menekankan bahawa nasihatnya supaya dua jawatan itu tidak ditandingi adalah pendapat peribadinya.

"Pada pendapat saya, sepatutnya tidak ada pertandingan. Itu pendapat saya," katanya.

Menurut Dr Mahathir, pendapatnya itu dibuat berdasarkan bahawa dalam tradisi Umno, tidak ada pertandingan terhadap sesuatu jawatan yang mempunyai penyandang.

"Saya berpendapat bahawa tidak ada pertandingan kerana dalam tradisi Umno kita tidak dapat bertanding kalau jawatan itu ada penyandang," katanya.

Ditanya setakat manakah beliau mahu masuk campur dalam sistem parti yang demokrasi, Dr Mahathir menjelaskan:

"Saya telah membuat pendirian jelas. Saya telah nasihat. Saya fikir saya

LIHAT MUKA 2

# Kempen Barisan Nasional tidak terjejas

DARI MUKA 1 BH 23 JUL 1993

telah berusaha setakat yang mampu. Kalau nak kena tangkap orang, hukum orang itu, tak bolehlah."

Mengenai laporan akhbar Cina yang memetik Timbalannya, Ghafar Baba, sebagai berkata, Dr Mahathir menyokongnya, Perdana Menteri berkata: "Saya menyokongnya sebagai Timbalan Presiden Umno."

Mengenai cadangan Ahli Majlis Tertinggi Umno, Datuk Dr Yusof Nor, supaya dua lagi jawatan Naib Presiden Umno diwujudkan menjadi lima, Dr Mahathir berkata: "Itu terpulanglah kepada Umno."

Mengenai laporan akhbar hari ini bahawa Parti Bersatu Sabah (PBS) dipercayai mencadangkan kepada Yang Dipertua Negeri, Tun Mohd Said Keruak, untuk membubarkan Dewan Undangan Negeri (DUN) bagi membolehkan pilihan raya umum negeri diadakan, Perdana Menteri berkata, Barisan Nasional (BN) se-

dia untuk bertanding pada bila-bila masa.

Ditanya kemungkinan Ketua Menteri Sabah, Datuk Joseph Pairin Kitingan, mengadakan pilihan raya mengejut kerana mengambil kesempatan daripada Perhimpunan Agung Umno November ini, Perdana Menteri berkata:

"Kalau dia ahli politik, dia tentu cari tempat yang paling baik bagi diri dia, bukan bagi diri musuh dia. Kita musuh dia."

Dr Mahathir bagaimanapun berpendapat, jika benar PBS akan mengadakan pilihan raya mengejut, ia tidak akan menjejaskan kempen BN.

Sebelum itu, Perdana Menteri melawat tapak pembinaan projek Plus di Gua Tempurung. Beliau diberi taklimat oleh Ketua Pengarah Lembaga Lebuh Raya Malaysia (LLM), Chew Swee Hock.

Hadir sama ialah Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat dan Menteri Kerja Raya, Datuk Leo Moggie.